



KEMENTERIAN SAINS,  
TEKNOLOGI DAN INOVASI  
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

## SIARAN MEDIA

### KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)

---

#### 100 HARI PERTAMA: 10 KPI MENERUSI 4 STRATEGI TUMPUAN

---

**21 September 2021, PUTRAJAYA** – Seiring dengan hasrat YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Ismail Sabri Yaacob yang mahu setiap kementerian membuktikan pencapaian dalam tempoh 100 hari pertama, 10 Petunjuk Prestasi Utama (KPI) sebagai Menteri MOSTI telah dimuktamadkan.

Dalam tempoh 100 hari pertama perkhidmatan, saya akan berganding bahu bersama-sama warga kerja MOSTI menggembleng segala usaha dan daya, serta bekerja bersama rakyat ke arah mencapai 10 KPI MOSTI menerusi sains, teknologi dan inovasi (STI) dalam usaha memacu ekonomi negara dan memperkasakan sosioekonomi rakyat.

Tumpuan segera MOSTI akan diberikan kepada penghasilan vaksin tempatan, pembangunan teknologi disruptif dan baharu muncul, peluasan ekosistem perniagaan permulaan (*startup*), pembangunan dan penyelidikan (R&D), serta pembudayaan STI secara bersepadu dan berterusan.

Menyedari kesan pandemik COVID-19 kepada sosioekonomi negara, agenda STI memainkan peranan penting dalam mengarusperdanakan ekonomi inovasi di kalangan rakyat Malaysia.

MOSTI akan memberikan tumpuan kepada bantuan berbentuk dana pembiayaan bagi memacu ekonomi berlandaskan teknologi bagi sektor-sektor produktif seperti keusahawanan, kesihatan, pembuatan dan pertanian. Usaha '*Whole-of-Government Approach*' ini akan menyediakan ekosistem yang kondusif bagi merintis dan menginspirasi penghayatan sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik atau STEM terutama di kalangan anak muda.

Untuk makluman, 10 KPI berimpak tinggi 100 hari pertama sebagai Menteri MOSTI adalah berlandaskan 4 strategi tumpuan yang akan menyumbang kepada pemulihan ekonomi dan peningkatan kualiti hidup rakyat. Teras KPI dijadikan panduan bagi saya untuk mengukur keberhasilan pelaksanaan serta kecekapan penyampaian perkhidmatan.

Strategi tumpuan pertama saya di MOSTI adalah usaha mengawal pandemik COVID-19. Mandat yang diberikan untuk melaksanakan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) telah diteruskan dengan usaha vaksinasi di seluruh negara dipercepatkan. Hasilnya, Malaysia berjaya mencapai sasaran 80% populasi dewasa negara lengkap divaksinasi pada hari ini iaitu lebih awal daripada sasaran asal.

Selain itu, dalam usaha memastikan negara bersedia menghadapi sebarang pandemik pada masa hadapan, MOSTI juga akan memantapkan ekosistem pembangunan vaksin negara bagi membangunkan vaksin keluaran tempatan. Ketika ini, vaksin denggi, kolera dan *leptospirosis* telah memasuki ujian pra-klinikal manakala vaksin COVID-19 telah memasuki peringkat penyelidikan. Pelan Hala Tuju Pembangunan Vaksin Negara (NVDR) dijangka diumumkan pada bulan November 2021.

Seiring dengan perkembangan Industri Revolusi 4.0, strategi tumpuan kedua MOSTI adalah agar MOSTI memberi fokus kepada pembangunan teknologi. Untuk makluman, MOSTI telah membangunkan Pelan Halatuju Elektrik dan Elektronik (E&E) yang bertujuan untuk melonjakkan pertumbuhan industri E&E. Usaha ini diyakini akan memperbaiki kedudukan Malaysia pada ketika ini sebagai pengeksport produk E&E ke-7 terbesar di dunia. Pertumbuhan industri E&E menerusi pembangunan teknologi ini akan menyediakan banyak peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan.

MOSTI juga komited mentransformasi Malaysia sebagai negara berteknologi tinggi dengan menyediakan hab R&D bagi pembangunan Taman Kecerdasan Buatan (*Artificial Intelligence Park*). Taman AI ini akan mengintegrasikan rangkaian nilai teknologi baharu muncul yang lain seperti penstoran awan (*cloud storage*), *blockchain*, teknologi dron serta pengkodan dan robotik. Taman AI ini juga akan menjadi pemangkin kepada pembangunan bandar pintar di seluruh negara.

MOSTI juga komited melaksanakan Program Pembangunan Teknologi Simpanan Tenaga untuk Kenderaan Elektrik (EV) melalui *National Energy Storage Technology Initiative*. Program ini akan meletakkan Malaysia sebagai pencipta dan pengeluar teknologi teras bagi ekosistem pasaran EV.

Selain itu, MOSTI juga akan memperkenalkan benih padi baharu berteknologi tinggi yang dapat meningkatkan hasil tuaian sebanyak 35% berbanding purata kebangsaan. MOSTI percaya, peluasan benih padi baharu ini akan merakyatkan STI dan memberi manfaat kepada para petani serta menyokong agenda keselamatan makanan (*food security*).

Program Lonjakan STI Sebagai Pemangkin Ekonomi merupakan strategi tumpuan MOSTI yang ketiga. Ini merupakan usaha MOSTI dalam mentransformasikan negara daripada pengguna teknologi kepada pembangun atau pencipta teknologi.

MOSTI berbangga dengan pencapaian Carsome Malaysia yang menjadi syarikat *Unicorn* pertama di negara ini, iaitu syarikat pemula niaga yang mempunyai nilai lebih AS\$1 bilion. Ini membuktikan negara mempunyai bakat muda yang hebat. Malaysia Venture Capital Management Berhad (MAVCAP) iaitu agensi modal teroka di bawah MOSTI turut memainkan peranan dalam kejayaan Carsome Malaysia ini. Sehubungan itu, MOSTI komited untuk membantu memberi sokongan kepada lebih banyak *startup* yang berpotensi melalui agensi-agensi pembiaya di bawah MOSTI.

Bagi menyokong usaha ini, Pelan Halatuju *Startup* Kebangsaan (SUPER) akan dilancarkan pada November 2021. Agensi-agensi pembiaya di bawah MOSTI akan mempergiatkan aktiviti pelaburan dan pembiayaan tekno-usahawan serta memberi khidmat nasihat bagi mengurangkan jurang kegagalan di kalangan *startup* melalui *Business Startup Fund* (BSF), Dana *Fintech* dan Dana Modal Teroka.

MOSTI juga komited untuk menubuhkan *Malaysia Science Endowment* yang bertindak sebagai pusat penyelaras dana dari pelbagai sumber selain dana kerajaan dengan menyediakan platform yang boleh dipercayai untuk pelabur korporat dan persendirian membiayai syarikat teknologi dalam aktiviti penyelidikan, pembangunan dan inovasi.

Sementara itu, Malaysia Debt Ventures Berhad, syarikat kewangan yang dikawal selia oleh MOSTI bakal menerbitkan bon dan sukuk baharu tanpa jaminan kerajaan berjumlah RM2 bilion. Usaha ini akan merangsang pasaran modal bagi memperkukuhkan pembiayaan Transformasi Ekonomi Digital dan Teknologi Teras.

Selain itu, MOSTI juga akan memberi penekanan terhadap Program Usahawan Inovasi (*innopreneur*) bagi membantu golongan rentan dan terpinggir di kalangan B40 dan M40. Usaha melahirkan peniaga mikro melalui Projek Ruang Reka diyakini akan membawa ke depan etno-teknologi masyarakat tempatan yang berpotensi dikomersialkan untuk menjana kekayaan baru dan pembangunan sosioekonomi yang lebih terangkum.

Bagi strategi tumpuan saya yang keempat, melalui MOSTI, kami komited untuk memberi penekanan kepada pembudayaan dan pembangunan bakat. Menerusi strategi tumpuan ini, demografik tenaga kerja berkemahiran tinggi Malaysia diyakini akan meningkat daripada 24.7% ketika ini kepada

sekurang-kurangnya 45% bakat berkemahiran tinggi. MOSTI komited untuk meneruskan usaha *upskilling* dan *reskilling* modal insan yang mahir untuk memenuhi keperluan pembangunan teknologi.

Melalui program MyHackathon, MOSTI menjemput anak muda di kalangan pelajar, *startup*, serta para pekerja sektor awam dan swasta untuk sama-sama membangunkan aplikasi berteraskan teknologi yang dapat menginovasikan sistem penyampaian serta mengasah potensi berinovasi yang boleh dikomersialkan. Selain itu, bagi menginspirasi pembudayaan dan penghayatan STI secara kreatif, MOSTI akan turut memperkenalkan program astronomi yang menarik dikenali sebagai *Big Bang Astronomy*.

Inisiatif 100 hari pertama saya sebagai Menteri MOSTI adalah selaras dengan Dasar Sains, Teknologi Dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021-2030 bagi mewujudkan sebuah negara maju berteknologi tinggi seterusnya menjadi pemangkin transformasi sosioekonomi dan pertumbuhan inklusif.

Saya yakin kesemua 10 KPI yang mencakupi 4 strategi tumpuan ini akan berjaya dicapai menerusi kerjasama erat di kalangan warga kerja MOSTI dan agensi-agensi di bawah MOSTI. Dengan semangat Keluarga Malaysia, MOSTI komited untuk bekerja bersama rakyat.

**#BekerjaBersamaRakyat**

**#KeluargaMalaysia**

**#MOSTIhebat**

**DATO' SRI DR, ADHAM BABA**

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

21 September 2021

**-TAMAT-**